

16 FEB 2002

Pertumbuhan-Ekonomi

K'JAAN YAKIN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA POSITIF TAHUN LEPAS

KEMAMAN, 16 Feb (Bernama) -- Kerajaan yakin Malaysia akan menunjukkan pertumbuhan ekonomi negara yang positif bagi tahun lepas apabila Bank Negara mengumumkan laporan kewangannya bulan depan.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata Malaysia mampu mengekalkan pertumbuhan tambahan walaupun dalam suasana kelembapan yang dihadapi oleh ekonomi dunia.

"Kedudukan ekonomi negara berada dalam kedudukan yang lebih berbanding dengan negara-negara jiran, kerana kita tidak bergantung pada sektor khusus untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Kita mempunyai pelbagai sokongan bagi memastikan ekonomi negara mencapai pertumbuhan positif," katanya kepada pemberita selepas melancarkan empat pusat e-komuniti di Felda Neram 1 di sini hari ini.

Shafie berkata ekonomi negara dijangka lebih baik tahun ini jika Amerika Syarikat pulih daripada kemelut ekonominya yang dijangka berlaku pada pertengahan tahun ini.

"Tetapi terdapat kebimbangan akan pemulihan ekonomi Amerika tidak berlaku seperti yang dijangkakan, oleh sebab itu, kita mesti meningkatkan perbelanjaan domestik bagi menjana ekonomi negara.

"Sebab itulah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan semua ketua jabatan untuk mempercepatkan pembayaran projek yang telah siap dibina oleh kontraktor," katanya.

Beliau juga berkata kerajaan telah memperuntukan RM10 juta bagi setiap negeri untuk melaksanakan rancangan pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman bagi meningkatkan ekonomi negara pada tahun ini.

"Projek itu dijangka menaikkan taraf hidup penduduk di kawasan pedalaman dan kampung dengan kemudahan infrastruktur yang baik," katanya.

Shafie berkata sejumlah 95 peratus projek berjaya disiapkan di bawah Pakej Rangsangan sebanyak RM8 bilion yang diperkenalkan tahun lepas.

-- BERNAMA

MRA FAZ